



GARIS PANDUAN PELANTIKAN PENOLONG PENSYARAH UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

BAHAGIAN I – PENGENALAN

1.1 Tujuan

Skim Latihan Akademik (Penolong Pensyarah), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) adalah skim latihan yang diperkenalkan dengan tujuan untuk memberi peluang kepada individu-individu yang berminat bagi memperolehi serta meningkatkan pembangunan dan latihan dari semasa ke semasa di dalam bidang masing-masing. Skim ini menyediakan peluang cuti belajar secara sepenuh masa di peringkat Ijazah Sarjana (hanya bidang kritikal sahaja) dan Doktor Falsafah.

1.2 Objektif

- 1.2.1 Meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di UniSZA melalui pewujudan tenaga pengajar yang berpendidikan tinggi.
- 1.2.2 Meningkatkan keperluan tenaga pengajar dan mencapai 70% pensyarah berkelayakan PhD di fakulti pada tahun 2020.
- 1.2.3 Menambah keperluan tenaga pengajar yang mendesak mengikut keperluan disiplin di UniSZA.

BAHAGIAN II – KELAYAKAN & KELULUSAN

2.1 Terma Lantikan

- 2.1.1 Nama skim ini ialah Skim Latihan Akademik (Penolong Pensyarah), UniSZA.
- 2.1.2 Pelantikan ini adalah bertaraf Sementara/ Skim Latihan mulai tarikh melapor diri sehingga tamat pengajian Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

2.2 Kriteria dan Syarat Pelantikan

- 2.2.1 Syarat-syarat am pelantikan adalah seperti berikut:
 - 2.2.1.1 Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf.
 - 2.2.1.2 Mempunyai minimum PNGK 3.0 ke atas atau Kelas Kedua Tertinggi di peringkat Ijazah Sarjana Muda dari Institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.
 - 2.2.1.3 Semasa tarikh permohonan, calon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi:
 - a) 35 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana; atau
 - b) 40 tahun bagi pengajian peringkat PhD
 - 2.2.1.4 Bagi calon yang membuat permohonan melanjutkan pengajian secara penyelidikan, kertas cadangan mestilah mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF).

- 2.2.1.5 Calon yang tidak pernah melanjutkan pengajian di luar negara **HANYA** boleh memohon untuk melanjutkan pengajian ke luar negara.
- 2.2.2 Syarat-syarat permohonan Cuti Belajar/ Hadiah Latihan adalah seperti berikut:
- 2.2.2.1 Warganegara Malaysia/ Bumiputera;
 - 2.2.2.2 Berumur tidak lebih daripada 35 tahun untuk peringkat pengajian Sarjana dan 40 tahun untuk peringkat PhD;
 - 2.2.2.3 Memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK 3.0 ke atas atau Kelas Dua Atas;
 - 2.2.2.4 Tidak menerima sebarang bentuk penajaan dari lain-lain penaja;
 - 2.2.2.5 Tiada ikatan perjanjian dengan pihak-pihak lain;
 - 2.2.2.6 Lulus Tapisan Keselamatan Kerajaan;
 - 2.2.2.7 Permohonan diperakukan oleh pihak UniSZA;
 - 2.2.2.8 Bebas dari tindakan mahkamah atau tindakan tatatertib.

Syarat Tambahan Bagi Permohonan Pengajian Luar Negara

- a) Lulus *International English Language Test System (IELTS)* dengan skor minimum keseluruhan 6.5 atau setara dengannya; atau

Test of English as a Foreign Language (TOEFL) 600 (paper based)
atau *240 (computer based)* atau *92 (internet based)*.

- b) Telah mendapat tawaran pengajian yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan diluluskan oleh pihak UniSZA.
- c) Lulus dengan jayanya Kursus Khas Kenegaraan anjuran Biro Tatanegara.

2.3 Tempoh Lantikan

- 2.3.1 Calon hendaklah melanjutkan pengajian dalam masa 6 bulan dari tarikh menerima tawaran sebagai Penolong Pensyarah. Sekiranya gagal, tawaran akan ditamatkan serta-merta dan calon dikehendaki membayar balik elaun.

BAHAGIAN III – ELAUN & KEMUDAHAN

Jawatan Elaun & Kemudahan	Penolong Pensyarah (Sarjana)	Penolong Pensyarah (PhD)
Elaun	RM 2,219.00	RM 2,623.00
Perubatan	Hospital Kerajaan, Klinik Kerajaan & Klinik Panel bagi penjawat dan keluarga.	Hospital Kerajaan, Klinik Kerajaan & Klinik Panel bagi penjawat dan keluarga.
Cuti Rehat	2 hari sebulan (sepanjang tempoh 6 bulan sebelum memulakan pengajian).	2 hari sebulan (sepanjang tempoh 6 bulan sebelum memulakan pengajian).
Tuntutan Perjalanan & Penginapan	Tidak diperuntukkan.	Tidak diperuntukkan.
Tambang penerangan	Tidak diperuntukkan.	Tidak diperuntukkan.
Kemudahan lain	Kemudahan perpustakaan dan kelengkapan pejabat.	Kemudahan perpustakaan dan kelengkapan pejabat.

BAHAGIAN IV – PERATURAN & SYARAT PERMOHONAN

4.1 Prosedur Permohonan

Setiap permohonan mestilah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut:

- 4.1.1 Borang Permohonan Jawatan Akademik yang boleh didapati di Laman Sesawang Pejabat Pendaftar, UniSZA;
- 4.1.2 Salinan sijil IELTS/ TOEFL;
- 4.1.3 Kertas Cadangan Penyelidikan yang diluluskan oleh JPF;
- 4.1.4 Salinan Kad Pengenalan atau Sijil Kelahiran calon;
- 4.1.5 Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara, transkrip akademik Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana atau kelulusan setaraf dengannya yang telah disahkan. Kelulusan tersebut mestilah mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia; dan
- 4.1.6 Surat tawaran yang sah dari tempat pengajian yang ingin diikuti.

4.2 Penerimaan Tawaran

- 4.2.1 Menandatangani Surat Penerimaan Tawaran yang dikembarkan serta lain-lain dokumen berkaitan kepada Pejabat Pendaftar dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh surat tawaran.
- 4.2.2 Memaklumkan kepada Pegawai Unit Latihan Jangka Panjang, Pejabat Pendaftar setelah melapor diri di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

4.2.3 Mengemukakan sijil-sijil asal yang berikut (jika ada/ berkenaan) untuk disemak ketika melapor diri:

- 4.2.2.1 Keputusan IELTS/ TOEFL;
- 4.2.2.2 Sijil SPM;
- 4.2.2.3 Kad Pengenalan/ Sijil Kelahiran;
- 4.2.2.4 Transkrip Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana;
- 4.2.2.5 Gambar Berukuran Pasport (2 keping).

Sekiranya pihak UniSZA tidak menerima **Surat Penerimaan Tawaran** dalam tempoh **tiga puluh (30) hari**, tawaran ini akan dianggap terbatal dengan sendirinya.

4.3 Tatatertib

- 4.3.1 Di sepanjang tempoh lantikan, Penolong Pensyarah adalah bertanggungjawab menjaga nama baik UniSZA, Kerajaan, dan Negara.
- 4.3.2 Dilarang terlibat dalam sesuatu kegiatan dan mengeluarkan kenyataan atau penerbitan yang tidak bertanggungjawab dan bertentangan dengan kepentingan Kerajaan dan Negara.
- 4.3.3 Tidak boleh terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah atau apa-apa kegiatan yang difikirkan tidak selaras dengan kepentingan pegawai, UniSZA, Kerajaan, dan Negara.
- 4.3.4 Sekiranya calon didapati melakukan perkara-perkara di atas, maka perjanjian akan tamat serta merta dan calon dikehendaki membayar balik elaun.

4.4 Penamatkan Skim Latihan

Tawaran skim ini boleh ditamatkan oleh pihak UniSZA sekiranya:

- 4.4.1 Prestasi yang ditunjukkan oleh Penolong Pensyarah tidak mencapai tahap yang dikehendaki oleh pihak UniSZA;
- 4.4.2 Penolong Pensyarah gagal memenuhi syarat yang telah ditetapkan; dan
- 4.4.3 Penolong Pensyarah didapati melanggar peraturan-peraturan UniSZA.

4.5 Tempoh Pengajian

Jawatan Butiran	Penolong Pensyarah (Sarjana)	Penolong Pensyarah (PhD)
Tempoh Pengajian	2 tahun / seperti Surat Tawaran Hadiah Cuti Belajar	3 tahun / seperti Surat Tawaran Hadiah Cuti Belajar

- 4.5.1 Penolong Pensyarah yang telah menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan perlu mengemukakan **Borang Laporan Tamat Tempoh Cuti Belajar** dalam masa satu hari selepas tarikh tamat tempoh cuti belajar.
- 4.5.2 Pihak UniSZA berhak menuntut balik ganti rugi bagi Penolong Pensyarah yang tidak menyelesaikan kursusnya atau gagal pengajian dalam tempoh yang yang ditetapkan tertakluk kepada keputusan mesyuarat/jawatankuasa.
- 4.5.3 Sekiranya UniSZA mendapati bahawa Penolong Pensyarah gagal mengemukakan **Borang Laporan Tamat Tempoh Cuti Belajar**, maka pelantikan Penolong Pensyarah akan ditamatkan serta merta dan

dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian.

- 4.5.4 Penolong Pensyarah boleh membuat rayuan kepada UniSZA bagi kes-kes khas/ tertentu.

BAHAGIAN V – HAK UNIVERSITI

Walau apapun perbekalan dalam surat pelantikan Penolong Pensyarah, UniSZA berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat di atas dan/ atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan Penolong Pensyarah adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan/ atau tambahan tersebut. UniSZA juga berhak menarik balik pelantikan atau menamatkan pelantikan ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan UniSZA tidak akan melayani apa-apa tuntutan ganti rugi berkenaan/ akibat dari perkara ini.